

12 JUN 2003

Mahathir-Negara/I

JANGAN SEKALI-KALI SERAHKAN NEGARA - PERDANA MENTERI

PUTRAJAYA, 12 Jun (Bernama) -- Dalam menggesa rakyat Malaysia terus mengekalkan semangat perjuangan pengasas Umno Datuk Onn Ja'afar, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata warga Malaysia jangan sekali-kali menyerahkan negara kepada sesiapa walaupun seinci.

"Kita tidak patut menyerahkan apa-apa kepada sesiapa pun. Ini adalah satu-satunya negara anda dan jika anda menyerahkannya, maka pastinya anda tidak akan memiliki sebuah negara sendiri," kata Perdana Menteri semasa melancarkan sebuah buku mengenai Datuk Onn Ja'afar bertajuk 'Reflections of Pre-Independence Malaya' di sini.

Semasa menceritakan bagaimana negeri-negeri Melayu pada satu ketika dulu berada di bawah pemerintahan British, beliau berkata orang Melayu "gembira" pada masa itu apabila British mengambil alih pentadbiran negara.

"Saya selalu merungut mengenai bagaimana orang Melayu suka mengambil jalan mudah," katanya sambil menegaskan bahawa ia memerlukan seorang seperti Datuk Onn untuk menyedari perlunya negara dimerdekakan dan bagi orang tempatan mentadbir negara mereka sendiri.

Dr Mahathir berkata: "Jangan sekali-kali menyerahkan apapun, walaupun sebesar belulang lembu. Ia mungkin nampak kecil tetapi orang boleh mencari jalan untuk menjadikannya lebih besar."

Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia patut belajar daripada bahagian itu dalam sejarah negara, kerana ada pepatah yang memperingatkan bahawa sesiapa yang melupakan sejarah akan dihukum.

"Kita tidak mahu mengulangi kesilapan kita pada masa lampau. Kita harus tahu apa yang harus ditolak oleh kita," katanya.

Perdana Menteri berkata Datuk Onn merupakan lelaki Melayu pertama yang mengetuai perjuangan seluruh negara untuk menentang British.

Bagaimanapun Dr Mahathir berkata pemimpin Umno itu dilihat terlalu terburu-buru apabila beliau mencadangkan supaya Umno dibuka kepada kaum lain juga.

Ini, katanya, tidak dapat diterima oleh anggota Umno pada masa itu dan disebabkan perbezaan pendapat itu, Datuk Onn terpaksa meninggalkan apiti yang pada fikirannya (fikiran Dr Mahathir) merupakan kes pertama kumpulan serpihan dalam Umno.

Sambil berkata kepada hadirin bahawa PAS juga adalah sebuah kumpulan serpihan daripada Umno, Dr Mahathir berharap bahawa tidak akan ada lagi berlaku tindakan membentuk kumpulan serpihan seperti itu.

Beliau juga berkata mereka yang telah melakukan sesuatu yang penting harus cuba merekodkannya -- satu tugas yang lebih mudah kini dengan adanya alat pita rakaman -- bagi manfaat generasi akan datang.

Perdana Menteri berkata beliau mendapati ahli sejarah tidak begitu berminat untuk merekodkan babad tokoh-tokoh penting termasuk perdana menteri pertama negara Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

"Semasa Tunku masih hidup, saya menggesa beberapa orang supaya bercakap dengannya mengenai pengalaman beliau tetapi tidak ada usaha bersungguh-sungguh ke arah itu," katanya.

Dr Mahathir berkata generasi Malaysia akan datang perlu belajar dan memahami sejarah supaya mereka dapat meneruskan perjuangan demi negara dan diri mereka.

Buku setebal 196 halaman itu merupakan pengkisahan kenangan pengarang Datuk Mohamed Abid mengenai Datuk Onn dan zaman kehidupannya.

Beliau membesar sebagai anggota keluarga luas Datuk Onn dan anak

perempuannya Mastisa Hani ialah isteri kepada anak lelaki Dr Mahathir, Datuk Mokhzani.

Dalam ucapannya Mohamed Abid berkata disebabkan kekuatan peribadi Datuk Onn telah membolehkan beliau memujuk orang Melayu mengenyepikan kesetiaan parokial mereka terhadap negeri masing-masing dan bersatu di bawah Umno untuk menentang pembentukan Malayan Union.

Datuk Onn dilahirkan pada 1895 dan meninggal dunia pada 1962. Anak lelakinya merupakan perdana menteri ketiga Malaysia Tun Hussein Onn manakala cucu lelakinya merupakan Menteri Belia dan Sukan kini Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

-- BERNAMA
MAM MAM RON